

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 11 HINGGA NO. 52)

[SOALAN NO.2 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN NO.20]

14 NOV 2016

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan adakah kajian yang mendalam dan terperinci serta ujian klinikal telah dijalankan ke atas daun ketum di Malaysia sebelum ia boleh dilabel baik atau mudarat kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan keperluan Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik (CDCR) 1984, produk yang tidak berdaftar perlu mendapatkan lesen mengimport produk kajian (CTIL) untuk tujuan kajian klinikal atau pengecualian untuk mengilang produk tidak berdaftar untuk tujuan kajian klinikal (CTX). Setakat ini, masih belum ada kajian klinikal yang dijalankan di Malaysia berkenaan daun ketum memandangkan Kementerian ini tidak ada menerima sebarang permohonan Lesen Import Percubaan Klinikal (CTIL) / Kebenaran Mengilang (CTX) bagi kajian atas daun ketum. Buat masa ini, kajian yang telah dijalankan di bawah Kementerian ini ke atas daun ketum hanya meliputi kajian analisa dan pengenalpastian bahan. Hasil kajian tersebut mendapati *mitragynine* adalah merupakan kompaun aktif yang mencirikan ketum.

Melalui pengamatan kajian-kajian yang telah dijalankan di luar negara oleh Kementerian ini, didapati kajian keberkesanan di dalam sel dan haiwan menunjukkan bahawa daun ketum berkesan sebagai penahan sakit (analgesic dan antinociceptive), antioksidan, penahan cirit (antidiarrhoeal), pengurang radang (antiinflammatory), perelaks otot (muscle relaxant) dan pengurang selera makan.

Kajian keselamatan di dalam tikus pula menunjukkan penggunaan sekali dalam dos yang tinggi boleh menyebabkan kerosakan hati dan buah pinggang. Kajian bagi pengambilan secara kronik iaitu dalam masa yang panjang menunjukkan penurunan berat badan, kemerosotan tingkah laku dan kerosakan kepada organ dalaman. Di dalam kajian yang lain, ketum dilaporkan menyebabkan kegagalan pembentukan tulang belakang di dalam janin tikus.

Selain itu, kajian pemerhatian ke atas penggunaan air daun ketum oleh manusia menunjukkan kesan yang berlainan bagi dos yang berbeza. Dos yang rendah menghasilkan kesan rangsangan (*stimulant effect*), perasaan *euphoric* (amat seronok), lebih bersedia (*alert*) dan lebih mudah bersosial. Dos yang sederhana pula memberikan kesan *opioid* dimana ianya mengurangkan kesakitan manakala dos yang tinggi boleh menyebabkan pengguna ketum pengsan atau tidak sedarkan diri, jantung bergerak laju, pening, muntah dan lain-lain. Penggunaan ketum dalam tempoh yang lama akan menyebabkan ketagihan dan apabila berhenti, para pengguna bakal mengalami simptom *withdrawal* seperti kesakitan otot, *insomnia* (tidak boleh tidur), keletihan melampau dan sakit dada. Terdapat juga kajian kes di mana bayi yang dilahirkan oleh ibu yang mengambil ketum secara kronik menunjukkan simptom *withdrawal* dan dipercayai ketum yang diambil oleh ibunya disalurkan kepada bayi melalui urin.

SOALAN NO: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 17 NOVEMBER 2016

SOALAN:

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan kelayakan mempertikai artikel yang dipersetujui oleh majikan dan kesatuan.

PR-1343-L76720

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Merujuk kepada Seksyen 56, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 sekiranya perjanjian kolektif yang telah diperakui oleh Mahkamah Perusahaan tidak dipatuhi, pihak kesatuan sekerja atau mana-mana orang yang terikat dengan perjanjian tersebut boleh membuat aduan secara bertulis kepada Mahkamah Perusahaan.

NO SOALAN :13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
(PAYA BESAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.11.2016

Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rizab Bank Negara Malaysia (BNM), pertumbuhan ekonomi semasa negara, kedudukan hutang, penarafan ekonomi, kedudukan pasaran modal dan diversifikasi ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kedudukan rizab antarabangsa negara kekal kukuh berjumlah RM405.5 bilion atau USD97.8 bilion pada 31 Oktober 2016, mencatat peningkatan sebanyak USD2.5 bilion berbanding USD95.3 bilion pada akhir tahun 2015. Paras rizab terkini ini mencukupi untuk membiayai

8.4 bulan import tertangguh dan 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

2. Ekonomi Malaysia terus berkembang meskipun berhadapan persekitaran luar yang mencabar. Dalam tempoh suku ketiga 2016, ekonomi negara terus berkembang dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar mencatat pertumbuhan sebanyak 4.3% (S2 2016: 4.0%). Pertumbuhan yang menggalakkan ini disokong oleh ekonomi domestik yang berdaya tahan dengan sektor swasta kekal memacu pertumbuhan ekonomi. Pembentukan modal tetap kasar (GFCF) berkembang 2.0% disokong oleh pelaburan awam dan swasta. Manakala jumlah penggunaan terus menggalakkan dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 5.8%. Bagi tahun 2016, pertumbuhan ekonomi negara dijangka terus kukuh dan akan mencapai sasaran antara 4% hingga 4.5% dengan sektor swasta kekal sebagai peneraju utama ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kedudukan terkini jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir September 2016 adalah sebanyak RM643.6 bilion atau 52.2% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah

berkenaan, 96.5% atau RM620.8 bilion adalah hutang domestik (50.4% daripada KDNK), sementara 3.5% lagi atau RM22.8 bilion (1.8% daripada KDNK) merupakan pinjaman luar pesisir. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

4. Bagi penarafan Malaysia sehingga akhir September 2016, agensi penarafan Fitch dan Standard and Poor's mengekalkan status pada A-dengan outlook 'Stable' manakala Moody's pada A3 dengan outlook 'Stable'. Kedudukan terkini penarafan Malaysia mencerminkan pengiktirafan agensi-agensi ini terhadap pendekatan Kerajaan dalam pengurusan makroekonomi dan fiskal negara bagi memastikan pertumbuhan ekonomi terus berkembang dan terus komited terhadap langkah konsolidasi fiskal.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

5. Kedudukan pasaran modal tempatan kekal berdaya tahan berdasarkan saiz pasaran bon, pasaran sukuk global, prestasi Indeks FBM KLCI dan modal pasaran yang dicatatkan oleh Bursa Malaysia. Pada tahun 2015, saiz pasaran bon mencapai RM1.2 trilion atau 97% kepada KDNK dan merupakan pasaran ketiga terbesar di Asia selepas

Jepun dan Republik Korea. Malaysia terus mengekalkan kedudukan sebagai penerbit sukuk global terbesar merangkumi 45% atau USD38.4 bilion daripada jumlah sukuk global. Sehingga bulan Jun 2016, Malaysia menerajui pasaran sukuk global dengan menyumbang sebanyak 53.4% atau USD180 bilion daripada jumlah sukuk global terkumpul. Pada 30 September 2016, Indeks FBM KLCI mencatat perkembangan sebanyak 2% kepada 1652.55 mata dengan prestasi modal pasaran berkembang sebanyak 6%. Sehubungan itu, pegangan saham asing ke atas ekuiti Malaysia telah meningkat kepada 23% mencerminkan keyakinan pelabur asing yang lebih tinggi.

6. Dari aspek diversifikasi ekonomi, perubahan struktur ekonomi telah dan kekal menjadi teras strategi pembangunan Malaysia. Daripada ekonomi berteraskan pertanian pada tahun 1970-an, ekonomi Malaysia kini lebih pelbagai dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan menjadi penyumbang utama kira-kira 78% kepada pertumbuhan ekonomi. Dalam tempoh separuh pertama 2016, sektor perkhidmatan menyumbang sebanyak 54% kepada KDNK negara, manakala sektor pembuatan sebanyak 24%, di ikuti sektor pertanian (7.7%) perlombongan (9.2%) dan pembinaan (4.6%).